

Menyantuni Orang Kurang Upaya (OKU) di Masjid: Keperluan dan Cabaran Perlaksanaannya

Entertaining the Disabled (OKU) at the Mosque: Needs and Challenges of the Implementation

Siti Muhibah binti Hj Nor

Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas

Email: muhibah@ipgkik.edu.my

Zetty Nurzuliana Rashed

Fakulti Pendidikan, KUIS

Email: zetty@kuis.edu.my

Abstrak

Tempat ibadah secara umumnya dianggap sebagai tempat yang selamat dan sedia menerima sesiapa sahaja datang untuk beribadah atau melakukan urusan di sana, termasuk golongan kurang upaya atau mengalami kecacatan. Malangnya, tidak semua tempat ibadah khususnya masjid atau surau untuk umat Islam di negara ini menyediakan prasarana mesra OKU, serta kemudahan peralatan yang diperlukan mereka untuk bersama mengikuti aktiviti di premis berkenaan. Memakmurkan masjid mempunyai kesan positif bagi pembinaan masyarakat dalam rangka peningkatan kualiti hidup masyarakat dan negara. Kajian ini dilaksanakan secara kualitatif yang melibatkan analisis secara analitikal terhadap beberapa dokumen dan kajian kepustakaan. Dapatkan menyatakan keperluan berbeza untuk OKU Penglihatan, OKU pendengaran, OKU fizikal adalah berbeza sebagai contoh OKU Penglihatan lebih memerlukan kemudahan prasarana seperti laluan penjalanan kaki taktil manakala oku fizikal memerlukan ramp, tandas dan tempat wudhu' khas terutama OKU fizikal yang menggunakan kerusi roda. Cabaran perlaksanaannya merangkumi beberapa aspek antaranya perlu kepada kesedaran masyarakat, kerjasama dari kerajaan, sumber kewangan, sokongan ibu bapa serta keperluan kos penyelenggaraan. Adalah menjadi tanggungjawab setiap jemaah bekerjasama dengan pihak ahli jawatankuasa masjid untuk memastikan peralatan mesra OKU sentiasa terpelihara dan berfungsi dengan baik.

Kata Kunci: Masjid, Orang Kurang Upaya, Cabaran, Keperluan

Abstract

Places of worship are generally regarded as a safe place and are available to accept anyone who comes to worship or conduct activities there, including those who are less fortunate or having disability (OKU). Unfortunately, not all places of worship especially mosques or prayer rooms for Muslims in this country provide OKU-friendly infrastructure, as well as the facility or equipment that these people need in order to participate in the activities conducted at the premises concerned. Enlivening the mosque would pose positive effect on the development of the community in order to improve the quality of life of the society and the nation. This is a qualitative study which involves analytical analysis on several documents and library researches. The findings indicated different needs for OKU who are having impairment of sight, hearing, and physical disabilities. As an example, OKU with sight impair requires infrastructural facilities such as the tactile footpath while OKU with physical impair requires ramp, toilets and reserved wudhu' places especially physical OKU using wheelchairs. The implementation challenge covers some aspects including the community's awareness, cooperation from government, financial resources, parental support and cost-maintenance needs. It is the responsibility of all parties in cooperation with the masjid's committee to ensure OKU-friendly equipment are always well-maintained and preserved.

Keywords: Mosque, Disabled, Challenges, Needs

Article Progress

Received: 17 April 2020

Revised: 7 May 2020

Accepted: 27 May 2020

1. PENGENALAN

Masjid merupakan sebuah institusi yang penting dalam struktur organisasi pentadbiran Islam di mana segala hal ehwal berkaitan pengurusan orang-orang Islam seharusnya dilaksanakan di masjid. Sejarah membuktikan bahawa masjid merupakan tempat utama dalam pembinaan rohani dan jasmani seseorang untuk membentuk masyarakat yang beriman dan beramal soleh sebagaimana yang berlaku pada zaman Rasulullah s.a.w. Di samping itu juga masjid berperanan sebagai rumah ibadah bagi umat Islam dalam mengerjakan solat dan majlis keagamaan serta pusat aktiviti sosial umat Islam. Masjid juga merupakan sebuah institusi ibadah yang sepatutnya berkembang sejajar dengan arus perkembangan zaman dan memainkan peranan di dalam kehidupan masyarakat Islam sebagai sebuah institusi membina kemajuan ummah. Mengimarahkan masjid pula adalah tugas yang berkait rapat dengan konsep kejadian manusia untuk melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar.

Oleh yang demikian, setiap individu Muslim seharusnya menunjukkan iltizam supaya memastikan pengurusan masjid berfungsi sebagai pusat ibadah dan pembangunan ummah. Selain itu, pentadbiran dan pengurusan masjid perlulah dikemaskini terutamanya mekanisme yang bercirikan profesionalisme dalam segenap sistem pengurusan dan pentadbiran masjid. Ini adalah kerana pembangunan dan kecemerlangan ummah bermula dari sejauhmana berkesannya penggerak dalam melaksana pengurusan masjid.

2. PENYATAAN MASALAH

Golongan berkeperluan khas atau kurang upaya adalah seseorang yang mempunyai kekurangan dari segi fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat." (Akta OKU, 2008). Mereka juga dikenali sebagai insan istimewa yang terdiri daripada mereka yang dikategorikan mempunyai masalah seperti kurang upaya penglihatan, kurang upaya pendengaran, kurang upaya fizikal, kurang upaya pertuturan, kurang upaya pembelajaran dan kurang upaya pelbagai (Bahagian Pendidikan Khas, 2016).

Sehubungan itu kebanyakan ibu bapa berpendapat anak-anak ini tidak ditaklifkan (dipertanggungjawabkan) dan tidak wajar diajar pendidikan Islam (Syar Meeze, 2016). Kebanyakan ibu bapa lebih menumpukan kepada aktiviti atau terapi lain seperti menari, menyanyi, berenang, berkuda dan sebagainya. Ibu bapa harus sedar bahawa anak-anak ni akan membesar dan menempuh alam baligh sama seperti manusia lain baik dari segi fizikal, emosi dan nafsu akan berkembang seiringan meskipun akal tidak dapat menguasai perkembangan tersebut.

Banyak kajian yang telah dijalankan menunjukkan kemerosotan akhlak dalam kalangan remaja begitu meningkat (Che Noraini, 2005; Abd Rahman, 2008; Noremy dan Mohd Satar, 2008; Siti Muhibah Hj. Nor et. al. 2011) Dapatkan kajian menunjukkan gejala sosial seperti penagihan dadah, budaya seks bebas, merempit, merompak dan sebagainya berpunca daripada kurangnya penghayatan agama, keruntuhan institusi keluarga dan pengaruh rakan sebaya. Senario yang sama juga berlaku kepada murid berkeperluan khas (Mohd Huzaire dan Hajarul Bahti, 2010).

Kajian Mohd Huzaire et. al (2010) juga menunjukkan golongan pekak yang beragama Islam tidak dapat mendalami agama Islam dengan baik. Terdapat banyak kes yang berkaitan salah laku akhlak, masalah perkahwinan dan penceraian, kemurtadan dan hal-hal lain yang berkaitan agama Islam berlaku dalam kalangan golongan masalah pendengaran di Malaysia. Ruang dan peluang yang ada untuk golongan tipikal amat luas bagi mempelajari agama

dengan pelbagai medium disediakan. Masjid menyediakan pelbagai kelas pengajian agama meliputi pelbagai disiplin ilmu pengajian Islam akan tetapi “hidangan yang enak” tersebut tidak dapat dinikmati oleh golongan bermasalah pendengaran. Golongan ini tidak dapat menikmati kuliah-kuliah pengajian yang diadakan dan khutbah yang wajib diikuti setiap minggu. Golongan ini datang tanpa mendapat erti sekadar menghadirkan jasad. Terdapat beberapa rancangan di beberapa stesen televisyen seperti Ehwal Islam, al-Kulliyah, Tanyalah Ustaz, siri-siri motivasi dan sebagainya yang bermanfaat kepada masyarakat awam untuk mendapat gambaran tentang Islam. Sedikit kekurangan kepada rancangan-rancangan seumpama ini tidak dapat memberi manfaat kepada golongan bermasalah pendengaran. Penerbit tidak menyediakan jurubahasa isyarat bagi suai manfaat golongan minoriti ini.

Selain itu, terdapat juga isu luaran yang mana kemungkinan besar disebabkan masyarakat Islam terlepas pandang iaitu isu pengaruh agama lain dalam menangani isu-isu berkaitan OKU. Peranan mereka melalui agensi-agensi atau pertubuhan tertentu menyantuni OKU tanpa mengira bangsa dan agama amat membimbangkan. Malah, terdapat usaha oleh badan-badan bukan Islam yang aktif dan semakin ke hadapan dalam menangani anak OKU dari peringkat kanak-kanak hingga dewasa. Mereka juga memberikan sistem sokongan seseorang OKU serta memberi sumbangan kepada penjaga dan mereka yang terlibat membantu OKU (Zaini Abas, 2018).

3. OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini ialah:-

- I. Membincangkan peranan masjid sebagai pusat pendidikan untuk OKU dan keperluan kehidupan beragama dalam kalangan OKU
- II. Menghuraikan konsep masjid yang mesra OKU dan peranan yang boleh dilaksanakan oleh NGO dalam membantu golongan OKU di masjid
- III. Mengenal pasti cabaran-cabarhan yang dihadapi oleh institusi masjid dalam menyantuni golongan OKU.

4. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kajian perpustakaan yang mana melibatkan analisis dokumen terhadap sumber-sumber yang menerangkan tentang keperluan, peranan dan cabaran perlaksanaan masjid mesra orang kurang upaya.

5. PERANAN MASJID SEBAGAI PUSAT PENDIDIKAN DAN PEMBINAAN UMMAH

Rasulullah SAW menjadikan masjid sebagai pusat untuk mengajar para sahabat berkaitan Islam, membina mental dan akhlak mereka. Masjid pada ketika itu mempunyai fungsi sebagai sekolah, gurunya adalah Rasulullah SAW dan murid-muridnya adalah para sahabat yang dahagakan ilmu dan ingin mempelajari Islam lebih mendalam (Mohd Ismail Mustari dan Kamarul Azmi Jasmi, 2008). Pada ketika itu masjid bukan sekadar tempat beribadah, malah sebagai pusat kegiatan keilmuan yang menjadi rujukan utama berkaitan hal ehwal agama dan menghimpunkan para alim ulamak bagi menyampaikan ajaran Islam (Nor Azlina Abd. Wahab, Norafifah Ab. Hamid, Norajila Che Man, 2017). Tradisi ini juga telah diteruskan

oleh para sahabat dan penguasa Islam selanjutnya, bahkan dalam perkembangan keilmuan Islam, proses “*ta’lim*” lebih sering di lakukan di masjid, tradisi ini dikenal dengan nama “*halaqah*”, banyak ulama’ yang lahir dari tradisi halaqah ini. Pendidikan di masjid ditujukan untuk semua peringkat usia, dan mencakupi berbagai bidang. Pelbagai aktiviti seperti sambutan hari kebesaran Islam, diskusi, kajian agama, ceramah dan kelas belajar al-Quran serta Fardhu ‘Ain diadakan di masjid.

Justeru itu peranan masjid bukan hanya sebagai tempat ibadat semata-mata malahan ia mempunyai fungsi dan peranan yang besar dalam membangunkan masyarakat sepertimana firman Allah: (Surah at-Taubah: 18)

Maksudnya: *Hanya yang memakmurkan masjid-masjid Allah SWT ialah orang-orang yang beriman kepada Allah SWT dan Hari kemudian, serta tetap mendirikan shalat, menunaikan zakat dan tidak takut (kepada siapapun) selain kepada Allah, maka mereka lah orang-orang yang diharapkan termasuk golongan orang-orang yang mendapat petunjuk.*

Menurut Norakhyairee dan Ab. Halim (2011) konsep masjid sebagai wahana transformasi ummah menuntut kepada masyarakat Muslim meletakkan peranan institusi masjid sehebat pemusatan aktiviti masyarakat era kegembilangan Islam. Ini bermakna masjid tidak lagi menjadi tumpuan untuk aktiviti kerohanian semata-mata, sebaliknya dijadikan pusat tumpuan masyarakat dari sudut ekonomi, kemasyarakatan, pendidikan, riadah dan berbagai-bagai lagi. Program dan aktiviti seperti ini akhirnya menjadikan masjid sebagai pusat sehenti atau ‘*One Stop Centre*’ dalam memenuhi keperluan dan kehendak anggota masyarakat sama ada golongan normal maupun sebaliknya.

Kajian Mohd Huzairi (2010) berkaitan peranan masjid dalam pendidikan khusus kepada OKU Pekak mendapati bahawa institusi masjid dan peranannya seolah-olah hanya eksklusif untuk golongan normal sahaja dengan menafikan atau langsung tidak memberi penumpuan terhadap golongan OKU. Keadaan ini menjadikan seolah-olah wujud sindrom elit dan ekslusif dalam Islam, menafikan sifat *al-Rahman* dan *al-Rahim* Allah, menafikan kepelbagaiannya manusia ciptaan Allah dan Islam itu tidak berhak dimiliki oleh golongan OKU.

6. ORANG KURANG UPAYA DAN KEHIDUPAN BERAGAMA

Berdasarkan akta OKU 2008, Orang Kurang Upaya bermaksud seseorang yang mempunyai ketidakupayaan dari segi fizikal, mental, intelektual atau pancaindera apabila berhadapan dengan pelbagai halangan tidak dapat melibatkan diri sepenuhnya dan secara efektif dalam masyarakat. Berdasarkan kepada pendaftaran OKU (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2016; Hamdi 2016) terdapat tujuh kategori OKU, iaitu Kurang Upaya Pendengaran, Kurang Upaya Penglihatan, Kurang Upaya Pertuturan, Kurang Upaya Fizikal, Kurang Upaya Pembelajaran, Kurang Upaya Mental dan Pelbagai (*Multiple Disabilities*).

Meskipun mereka menghadapi masalah dalam keupayaan fizikal namun sebahagian mereka dikurniakan akal yang waras serta mampu membezakan yang hak dan batil. Mereka juga berhajat untuk membawa diri ke arah kebaikan dan menjauhi kebatilan. Apa yang lebih jelas lagi golongan OKU memiliki nafsu yang perlu dipandu ke arah kebaikan sekiranya nafsu diikuti nescaya kebinasaan menanti mereka. Huzairi Awang dan Hajarul Bahti (2010) mendapati ramai ibu bapa melahirkan rasa bimbang tentang masa depan anak-anak OKU dari sudut kebolehan membawa diri dan keluarga dalam landasan agama. Lebih-lebih lagi tiada kelas agama untuk golongan OKU. Menyedari kekurangan tersebut maka tertubuhlah Yayasan Pendidikan al-Quran bagi Anak Istimewa atau lebih dikenali sebagai Yayasan

FAQEH sebagai sebuah NGO Islam yang mengendalikan kelas al-Quran dan Fardhu ‘Ain untuk Anak-anak istimewa. Justeru pendidikan al-Quran dan Fardhu ‘Ain seharusnya diberikan kepada golongan oku mengikut kemampuan mereka sebagaimana Firman Allah: (Surah al-Baqarah : 286)

Maksudnya: *Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kesanggupannya. Ia mendapat pahala (dari kebaikan) yang diusahakannya dan ia mendapat siksa (dari kejahanatan) yang dikerjakannya. (Mereka berdoa): "Ya Tuhan kami, janganlah Engkau hukum kami jika kami lupa atau kami tersalah. Ya Tuhan kami, janganlah Engkau bebankan kepada kami beban yang berat sebagaimana Engkau bebankan kepada orang-orang sebelum kami. Ya Tuhan kami, janganlah Engkau pikulkan kepada kami apa yang tak sanggup kami memikulnya. Beri maaflah kami; ampunilah kami; dan rahmatilah kami. Engkaulah Penolong kami, maka tolonglah kami terhadap kaum yang kafir".*

Berpandukan ayat di atas, jelas menunjukkan Allah tidak membebankan seseorang sekiranya mereka tidak mampu namun sebagai umat Islam kita seharusnya berusaha untuk mencari yang jalan yang terbaik sebagaimana firman Allah dalam Surah Ar-Rad ayat 11 yang bermaksud “Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum kecuali kaum itu sendiri yang mengubahnya.”

7. KONSEP MASJID MESRA ORANG KURANG UPAYA

Secara umumnya terdapat lebih 5,300 buah masjid di seluruh negara namun persoalannya berapa buah masjid yang menyediakan prasarana yang sesuai atau mesra OKU. Abdul Munir (2014) telah menjalankan kajian di beberapa buah masjid disekitar Tanjung Malim. Beliau mendapati belum ada kemudahan prasarana mesra OKU selain kerusi untuk jemaah masjid yang mempunyai masalah kesihatan. Pihak masjid sepatutnya menyediakan kemudahan seperti tempat wudhuk khas, kemudahan tandas, laluan khas, tempat atau peralatan khas solat, tempat dan ruang solat khas serta sudut bacaan untuk menarik golongan OKU untuk datang ke masjid.

Kemudahan yang diperlukan untuk OKU Penglihatan, OKU Pendengaran, OKU Fizikal adalah berbeza sebagai contoh OKU Penglihatan lebih memerlukan kemudahan prasarana seperti laluan penjalanan kaki taktil manakala OKU Fizikal memerlukan ramp, tandas dan tempat wudhu’ khas terutama OKU fizikal yang menggunakan kerusi roda. Justeru, adalah menjadi tanggungjawab pihak JAKIM dan Jabatan Agama Islam mengambil kira aspek tersebut sebelum sesebuah masjid baru didirikan. Selain kemudahan fizikal, pihak masjid juga seharusnya mengadakan program bercorak kerohanian kepada golongan OKU dengan mewujudkan aktiviti seperti :-

- i. Kelas al-Quran dan Fardhu Ain
- ii. Mewujudkan AJK/sukarelawan yang mengendalikan OKU
- iii. Kursus Keibu bapaan/ Tarbiatulaulad
- iv. Menyediakan jurubahasa isyarat ketika khutbah jumaat dan ceramah.
- v. Mewujudkan peluang pekerjaan kepada OKU seperti jawatan bilal atau siak masjid.

Tugas AJK dan sukarelawan ialah mencari dan mengenalpasti bilangan OKU di sekitar qariah masjid dan bantuan yang diperlukan. Pihak masjid seharusnya mempunyai maklumat peribadi golongan OKU untuk dipanjangkan pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat

kerana segelintir mereka bukan sahaja mengalami masalah fizikal malahan mereka juga mempunyai masalah kesempitan hidup. Pihak masjid juga boleh menawarkan peluang pekerjaan seperti jawatan bilal atau siak untuk membantu meningkatkan keupayaan golongan OKU.

8. PERKONGSIAN PINTAR (*SMART PARTNERSHIP*) BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO) DAN MASJID

OKU Berdaya Hulu Langat ditubuhkan pada tahun 2015 atas kesedaran untuk menyantuni golongan OKU. Objektif utama penubuhannya ialah untuk membangunkan dan mentarbiahkan OKU dari masa ke semasa dan dari semua segi termasuklah kerohanian, jasmani, keluarga, sosial, ekonomi, politik dan pegangan hidup supaya selari dengan dasar kerajaan. Sebahagian besar aktiviti yang dijalankan merupakan perkongsian pintar (*smart partnership*) bersama masjid di sekitar Hulu Langat seperti Masjid Bandar Seri Putra, Masjid Hasanah dan Masjid Sg Ramal Dalam (Laporan Profile OKUBHL 2018). Antara aktiviti yang telah dijalankan seperti:-

- i. Program Menyantuni OKU
 - Program OKU di hati kami
 - Program OKU Muqarrabun
 - Program Jom Duha
- ii. Kelas bahasa Isyarat dan Braille
- iii. Mengadakan Kem Huffaz Pekak
- iv. Kursus jahitan untuk OKU
- v. Kursus Biz Online

9. CABARAN-CABARAN MENJADIKAN MASJID MESRA OKU

Menurut kajian Yayasan Dakwah Islam Malaysia (2015) pembangunan konsep dan model Masjid Mesra Orang Kelainan Upaya (OKU) di Malaysia masih berada dalam tahap kurang memberangsangkan. Golongan ini dilihat masih terpinggir dan mengalami kesukaran akses terutama dalam penggunaan kemudahan awam di masjid. Antara permasalahan yang diutarakan ialah kemudahan untuk menggunakan kerusi roda dalam ruang solat, penyediaan juru bahasa ketika khutbah Jumaat dan penunjuk arah yang lengkap di sekitar masjid. Dari segi perangkaannya, dianggarkan bahawa satu peratus penduduk setiap negara adalah terdiri dari OKU. Ini bermakna, di Malaysia, terdapat seramai 260,000 OKU dalam pelbagai kategori yang memerlukan perhatian masyarakat. Kerajaan Malaysia, melalui Dasar Kebajikan Masyarakat Negara menawarkan perkhidmatan rawatan, pemulihan, pendidikan dan latihan kepada golongan ini dengan hasrat untuk menggabungkan mereka dalam masyarakat (IKIM, 2015). Dalam usaha menjadikan masjid sebagai mesra OKU, beberapa isu perlu ditangani oleh semua pihak secara bersepadu. Antara isu yang dikenalpasti ialah:-

9.1 Kesedaran masyarakat

Penerimaan masyarakat kepada Orang OKU masih rendah, golongan agamawan yang memegang pentadbiran masjid pun kurang berminat untuk menyantuni golongan OKU mungkin kerana OKU itu bukan dalam kalangan ahli keluarga mereka.

9.2 Kesedaran Ibu bapa

Tanggapan ibu bapa bahawa anak-anak OKU tidak taklif bermakna tidak wajib mempelajari al-Quran dan Fardhu Ain. Terdapat segelintir ibu bapa tidak berminat dan memberi kerjasama menjayakan program untuk OKU malahan mereka lebih gemar membawa anak OKU ke program hiburan berbanding program keagamaan.

9.3 Kesedaran Pihak Kerajaan

Pihak kerajaan perlu menyediakan kemudahan prasarana mesra OKU sebagai kemudahan asas contohnya majlis perbandaran dan kontraktor harus meneliti aspek mesra OKU dalam menyediakan plan untuk pembinaan masjid.

9.4 Kewangan

Pengubahsuaian prasarana memerlukan perbelanjaan yang besar menyebabkan masih banyak masjid-masjid lama belum dapat menyediakan kemudahan prasarana yang mesra OKU.

9.5 Penyelenggaraan (*Maintainance*)

Prasarana yang disediakan memerlukan penjagaan yang rapi supaya ia sentiasa boleh digunakan. Kos penyelenggaraan biasanya memerlukan perbelanjaan yang tinggi. Sikap tidak bertanggung sesetengah pihak boleh menyebabkan peralatan tersebut rosak. Adalah menjadi tanggungjawab setiap jemaah bekerjasama dengan pihak ajk masjid untuk memastikan peralatan mesra OKU sentiasa terpelihara dan berfungsi dengan baik.

10. KESIMPULAN

Pelaksanaan masjid mesra OKU memerlukan kerjasama daripada semua pihak termasuk pihak bukan kerajaan (NGO). Institusi masjid seharusnya berperanan sebagai “pusat sehenti” melibatkan semua lapisan masyarakat termasuk golongan OKU. Adalah dicadangkan agar pihak JAKIM dan Majlis Agama Islam mengambil kira aktiviti melibatkan golongan OKU dalam pencalonan “Anugerah Imarah Masjid” sempena sambutan Maulidur Rasul pada setiap tahun. Sehubungan itu kebajikan berkaitan pembangunan kerohanian golongan orang kelainan upaya juga dilihat perlu untuk diberi perhatian. Masjid mesra OKU bagi memudahkan mereka untuk beribadah perlu dibangunkan. Usaha-usaha ke arah memberi kefahaman Islam kepada mereka juga perlu diyatkan. Pembinaan sebuah masjid adalah asas penting dalam membangunkan masyarakat Islam khususnya di era kontemporari yang kian mencabar. Hubungan antara masyarakat Islam dan masjid tidak dapat dipisahkan kerana masjid adalah tunggak dan nadi pusat kegiatan umat Islam. Begitu juga dengan institusi masjid yang memerlukan masyarakat Islam untuk mengimarahkannya. Justeru peranan masjid perlu diperkasakan seiring dengan modenisasi yang berlaku agar institusi masjid dilihat benar-benar berfungsi dalam membangunkan insan dan masyarakat yang sejahtera.

RUJUKAN

Al Quran Karim

Abdul Munir Ismail. 2014. Aksesibiliti Orang Kurang Upaya di Institusi Masjid-Masjid Daerah Tanjung Malim, Perak

Abd. Wahab, Nor Azlina; Ab. Hamid, Norafifah; Che Man, Norajila. Pemerkasaan Peranan Masjid Di Malaysia Era Kontemporari. E-Academia Journal, [S.L.], V. 5, N. 2, Jan. 2017. Issn 2289-6589.

Akta Orang Kurang Upaya (Akta 685). 2008.Undang-undang Malaysia. Kuala Lumpur: Penerbit Nasional Berhad

Hamdi Ishak. 2016. Pengukuhan Pendidikan Islam Orang Kurang Upaya: Isu dan Cabaran dalam *Prosiding Seminar Serantau Pendidikan Islam Orang Kurang Upaya 2016. 11-19*. Bangi:UKM

http://www.academia.edu/8299095/Aksesibiliti_Orang_Kurang_Upaya_di_masjid

<https://www.soundvision.com/article/children-in-the-masjid-making-space-for-our-future>

Ismail Hasyim. 2016. Pengukuhan Pendidikan Islam Orang Kurang Upaya Dalam Kalangan Murid Sekolah dalam *Prosiding Seminar Serantau Pendidikan Islam Orang Kurang Upaya 2016. 1-10*. Bangi:UKM

Laporan Profile OKUBHL 2018

Mohd Arif Nazri. Mohammad Ikram Mohd Nor. Fadlan Mohd Othman & Nur Farhah Zainan Nazri . 2016. Pendekatan Rasulullah S.A.W Terhadap Golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) alam *Prosiding Seminar Serantau Pendidikan Islam Orang Kurang Upaya 2016. 139-148*. Bangi:UKM

Mohd Huzaire Awang @ Hussain & Hajarul Bahti Zakaria. 2010. Peranan Masjid Dalam Pendidikan: Tumpuan Khusus Terhadap Golongan Pekak dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Masjid: Memperkasa Masjid Sebagai tempat Pengajaran dan Pembelajaran*. 288 - 297 Bangi: UKM

Mohd Huzaire bin Awang @ Husain. 2010. Persepsi Pelajar Bermasalah Pendengaran Terhadap Pembelajaran Fardhu A'in: Cabaran Terhadap Guru. *Proceedings of the 4th International Conference on Teacher Education*. Join Conference UPI & UPSI Bandung, Indonesia

Mohd Huzaire bin Awang @ Husain Hajarul Bahti binti Zakaria Bani Hidayat bin Mohd Shafie Nor Hayati Fatmi binti Talib Nabiroh Kassim. 2010. Kepentingan Dakwah Kepada Golongan Bermasalah Pendengaran : Satu Keperluan. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan Negara Ke-4*, Universiti Kebangsaan Malaysia, 3-4 Ogos 2010)

Mustari, M. I. & Jasmi, K. A. 2008. *Fungsi dan Peranan Masjid dalam Masyarakat Hadhari*. Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Press. ISBN: 978-983-52-0503-3.

Muhammad Sayuti Sabdan, Norlidah Alias Alias, Mohd Yakub@Zulkifli Mohd Yusuf, Nazean Jomhari, Noraziah Mohd Daud & Noor Fadilah Md Aslie. 2016. Pelaksanaan Pendidikan Al-Quran Bagi Golongan Pekak Di Malaysia: Satu Tinjauan dalam

Prosiding Seminar Serantau Pendidikan Islam Orang Kurang Upaya 2016. 20-29.
Bangi:UKM

Norakyairee Hj Mod Raus.2016. Model Dan Kurikulum Pendidikan Al-Quran Holistik Bagi OKU. *Persidangan Meja Bulat Pendidikan Al-Quran Holistik untuk orang Kelainan Upaya (OKU)*.Universiti Sains Islam Malaysia.

Norakyairee Hj. Mohd Raus & Ab. Halim Tamuri. 2011. *Program Tilawah al-Quran di Masjid Bagi Golongan Bermasalah Penglihatan: Realiti dan Cabaran Semasa*. (Prosiding) Seminar Pengurusan Masjid Inovatif Peringkat Antarabangsa: Pusat Islam, UTM dan IAIN Ar-Raniry, Banda Aceh. Halaman: 139.

Siti Muhibah Hj Nor, Safani Bari & Abdul Halim Tamuri. 2011. Pelaksanaan Pendidikan Akhlak Murid Islam Bermasalah Pendengaran dalam *Tranformasi dan Inovasi Dalam Pendidikan*. Bangi:UKM

Siti Muhibah Hj Nor. 2012. Pengetahuan Fardhu A'in Murid-murid Masalah Pendengaran. *Tesis Sarjana*. Bangi:UKM

Siti Zaharah Abd Hamid & Safinah Ismail. 2014. Proceeding of the International Conference on Masjid, Zakat and Waqf : Masjid Sebagai Pusat Pendidikan Kanak-Kanak: Satu Tinjauan: KUIS. Kuala Lumpur.128-135

Syar Meeze Mohd Rashid. 2016. Kemahiran Asas serta Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Al-Quran Kepada Golongan Istimewa. *Persidangan Meja Bulat Pendidikan Al-Quran Holistik untuk orang Kelainan Upaya (OKU)*. Universiti Sains Islam Malaysia